# Roh Manusia Menurut Perspektif Agama, Falsafah dan Budaya Dunia: Suatu Sorotan Literatur

# *The Human Spirit According to the Perspective of World Religion, Philosophy and Culture: A Literature Review*

**Khairulnazrin Nasir[1] & Khadher Ahmad[2]**

[1] (Corresponding Author) Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com

[2] Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, e-mail: khadher82@um.edu.my

## ABSTRAK

Struktur diri manusia terdiri daripada dua elemen utama, iaitu fizikal lahiriah dan batiniah. Domain perbahasan tentang roh menyentuh aspek dalaman yang ghaib dan bersifat subjektif. Perkara ini menarik minat dan fokus para sarjana untuk membahaskan tentang roh manusia daripada pelbagai sudut. Objektif penulisan makalah ini ialah untuk membahaskan tentang entiti roh manusia berdasarkan perspektif agama, falsafah dan budaya dunia dalam rangka sorotan kajian-kajian kesusasteraan. Kajian ini dijalankan berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Data-data utama diperoleh daripada tesis, disertasi dan buku berkenaan. Hasil kajian mendapati bahawa kepercayaan dan perbahasan tentang roh manusia bukan bersifat eksklusif dalam kelompok tertentu, malah diperdebatkan dalam ruang ajaran dan kepercayaan agama, falsafah dan budaya dunia. Isu-isu yang dibangkitkan tentang roh adalah berhubung dengan aspek kewujudan, asal penciptaan, pengaruhnya kepada jasad, karakter roh dan keabadian roh selepas mati serta ritual pemujaan roh tertentu. Namun, kajian ini merumuskan bahawa masih terbuka lagi pelbagai ruang dan kelompangan dalam membahaskan tentang roh, khususnya daripada aspek budaya yang perlu ditampung dalam kajian-kajian mendatang.

**Kata Kunci:** Roh; Agama; Falsafah; Budaya.

---

## *ABSTRACT*

*The structure of human self consists of two main elements, namely external and internal physical. The domain of debate about spirit touches on the aspect of supernatural and subjective in nature. Hence, it attracts the interest and focus of scholars to discuss the human spirit from various angles. The aim of writing this paper is to discuss the entity of human spirit based on the religious, philosophical and cultural perspectives of the world within the framework of the highlighted literary works. This study was conducted using qualitative research approach. The*

*key data are obtained from theses, dissertations and books. The results of this study found that beliefs and debates about human spirit are not exclusive in certain groups but rather been debated in the teaching and belief of world religions, philosophies and cultures. Issues that have been raised are related to the aspects of existence, the origin of creation, its influence on the physique, the character of the spirit, the immortality of the spirit after death as well as certain rituals of worshipping the spirit. However, this study concludes that there is still a range of spaces and gaps in debating about the spirit, especially from the cultural aspects that need to be covered in future studies.*

*Keywords: Spirit; Religion; Philosophy; Culture.*

---

## 1. Pendahuluan

Kepercayaan tentang entiti ghaib yang wujud bersama manusia diperkatakan oleh para sarjana dan masyarakat di peringkat global. Rata-rata komuniti di dunia memiliki pegangan, ajaran agama, cerita dari masa silam. Kepercayaan, ajaran agama, dan budaya ini diwarisi secara turun-temurun, kepada generasi terkemudian, tanpa menitik beratkan soal kesahihan dan kebenarannya. Sebahagian isi kandungannya memperkatakan tentang asal kejadian manusia, kosmologi alam, kepahlawanan, keluhuran nenek moyang dan kemuliaan sesuatu suku dan bangsa. (Kirk, G.S, 1973m; Kirk, G.S. 1984, dan Simpson, 1976: 3).

Kepercayaan dan ajaran agama, falsafah dan budaya turut memperkatakan tentang entiti ghaib yang dikenali sebagai makhluk *supernatural*. Makhluk ini dipercayai wujud dalam dimensi yang berlainan dan tidak tertakluk kepada kanun fizik manusia (Partridge, Kenneth, 2009). Walau bagaimanapun, ia dianggap mampu mempengaruhi kehidupan manusia, sama ada negatif atau positif, sekali gus turut mempengaruhi fenomena-fenomena alam seperti kilat, pelangi, banjir dan asal usul kehidupan (Zhong Yang, 1976). Dalam segelintir budaya, makhluk *supernatural* diyakini memiliki watak dan perilaku jahat serta boleh mendatangkan bahaya kepada manusia. Sebaliknya, makhluk *supernatural* seperti roh nenek moyang adalah berwatak baik, dipuja dan disembah oleh keturunannya (Richard, 1994).

Entiti ghaib yang sering dibahaskan oleh para sarjana ialah roh manusia. Roh berasal daripada perkataan bahasa Arab yang diertikan sebagai unsur yang menjadi sebab kepada kehidupan manusia (Ibrāhim, t.th). Dalam terminologi Islam, roh, jiwa dan nafsu mempunyai pertalian yang sangat rapat sehingga dianggap sebagai suatu unsur yang sama (Ibn al-Qayyim, t.th). Roh merupakan salah satu unsur ghaib dan tidak mampu untuk dicapai oleh akal manusia. Tiada jalan lain bagi manusia untuk mengetahui hakikat dan keadaan roh melainkan perlu merujuk kepada penjelasan syarak (Ibn Kathīr,

1999). Teologi Islam menjelaskan bahawa roh ialah makhluk yang ditiupkan dalam diri manusia dan memiliki sifat keabadian walaupun setelah kematian jasad. Setelah melalui dimensi Barzakh, roh akan dikembalikan ke dalam jasad untuk menerima pembalasan pada hari Akhirat (Ibn al-Qayyim, t.th).

Persoalannya, apakah perspektif dan kepercayaan agama-agama selain Islam, falsafah dan budaya masyarakat dunia tentang roh manusia? Bagaimanakah para sarjana membahaskan tentang roh dalam skop kajian-kajian mereka? Persoalan ini akan dibahaskan dalam makalah ini secara tafsil di samping menyorot kajian-kajian lepas yang berhubung dengan roh manusia. Di samping menyumbang dalam aspek perbahasan antropologi, kajian seumpama ini amat signifikan kerana mampu menonjolkan sudut kelompangan, sekali gus dapat membantu para penyelidik dalam kajian-kajian pada masa hadapan.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini berteraskan tema kajian kepustakaan menerusi pendekatan kajian kualitatif. Metode pengumpulan data dilakukan secara dokumentasi yang diperoleh daripada tesis, artikel ilmiah, ensiklopedia, buku, khususnya dalam bidang antropologi dan kemanusiaan. Data-data dianalisis secara induktif dan disusun mengikut tema dan dirumuskan dalam bentuk jadual dan rajah. Rujukan-rujukan berkaitan yang dikenal pasti disaringkan, diklasifikasikan, dianalisis dan diulas secara ringkas. Sementara itu, skop perbincangan tentang roh manusia hanya terbatas kepada perspektif agama, falsafah dan budaya dunia. Namun, demikian tidak bermaksud kajian ini membahaskan satu demi satu perspektif berkenaan, tetapi terbatas dan terhad kepada isu-isu yang dianggap utama sahaja. Pada bahagian akhir, kajian merumuskan kelompangan, sekali gus mengemukakan cadangan-cadangan kepada kajian-kajian akan datang.

## 3. Dapatan Kajian

Dapatan utama kajian ini ialah pernyataan bahawa perbahasan tentang roh manusia terdapat dalam pelbagai lapangan kesarjanaan. Dalam konteks agama, roh dikenali dengan pelbagai istilah dan konsep. Rumusannya ditunjukkan dalam jadual 1.0 di bawah:

Jadual 1.0: Konsep Roh Dalam Agama-agama Utama Dunia

| **Nama Agama dan Bahasa** | **Konsep Tentang Roh** |
|---|---|
| Inggeris | *Souls, spirit, inner self, spirit, psyche, self, inner self,* |
| Islam | *Al-rūḥ* dan *al-nafs* |
| Hindu | "*Jev*", "*Aatma*", "*Ātman*" dan "*Purusha* |
| Buddha | "*Anatta*" dan "*Anātman*" |
| Brahma | "*Atmas*" |
| Jainisme | "*Jiva*", "*Ajiva*" dan "*Jiva-aman*" |
| Sikh | "*Atma*" |
| Taoisme | "*Han*" dan "*Po*" |
| Konfusianisme | "*Qi*" |

(Sumber: Khairulnazrin & Khadher, 2020)

Persoalan tentang roh manusia juga menjadi fokus perbincangan pemikir dan ahli falsafah. Tokoh falsafah terkenal Yunani, Plato mengemukakan teori bahawa roh manusia ialah suatu entiti bukan material (*nonmaterial entity*). Roh mampu terpisah daripada tubuh badan manusia. Roh itu wujud sejak sebelum kelahiran, dan akan terus kekal dan bersifat abadi (*immortal*). Menurut Plato, roh mempengaruhi karakter seseorang di samping elemen-elemen lain seperti akal, emosi dan nafsu. Rumusannya dipaparkan dalam rajah di bawah:

Rajah 1.0: Konsep Roh dan Jiwa Menurut Plato




(Sumber: Khairulnazrin & Khadher, 2020)

Kajian ini merumuskan bahawa kepercayaan manusia terhadap roh adalah berbeza-beza. Majoriti manusia mempercayai kewujudan roh, dan sebahagian kecil menafikan kewujudannya. Golongan yang mempercayai kewujudannya pula berbeza dalam menentukan asal kejadiannya; sama ada roh berasal daripada zat tuhan atau ciptaan tuhan. Ajaran yang dipengaruhi animisme menganggap bahawa segala sesuatu di alam ini mempunyai roh. Namun, sebahagian ajaran lain menganggap roh hanya wujud dalam makhluk-makhluk tertentu. Dalam ajaran agama yang mempercayai Hari Kebangkitan, roh dianggap kekal selepas mati. Sebaliknya, ajaran agama yang mengingkari kewujudan Hari Kebangkitan menganggap roh akan binasa

atau menjelma dalam tubuh yang baru (reinkarnasi). Rumusannya ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah 2.0: Rumusan Kepercayaan Agama, Falsafah dan Antropologi Tentang Roh




(Sumber: Khairulnazrin & Khadher, 2020)

## 4. Perbincangan

Bahagian ini mengandungi perbincangan dan huraian tentang roh manusia berdasarkan pelbagai perspektif yang disusun mengikut subtajuk-subtajuk berikut:

### *4.1 Kewujudan roh dalam diri manusia*

Majoriti agama dan budaya di dunia mengakui tentang kewujudan roh sebagai suatu entiti misteri yang tidak dapat dilihat dalam jasad manusia. Manusia mempercayai bahawa roh merupakan suatu tanda kebesaran tuhan, bersifat kerohanian, hakikatnya gagal difahami oleh kebanyakan manusia, suatu misteri yang sukar dijangkau oleh akal. Setelah menjalani kehidupan singkat, roh itu terpisah daripada jasad sewaktu kematian, seterusnya menuju tuhan di alam yang abadi (Constance, 2010). Perbincangan tentang roh bukan bersifat eksklusif kepada mana-mana agama, aliran falsafah, bangsa, kepercayaan mahupun budaya. Ruang lingkup perbahasannya bercirikan universal dan diperdebatkan sejak zaman silam. Persoalan tentang roh

manusia dan hubungannya dengan tubuh secara umum dibincangkan oleh para sarjana, antaranya Wolf Naomi (1995) dan Wisesa Taufiq Panji (2017).

Dalam beberapa aliran falsafah, *anima mundi* ialah konsep "dunia roh" yang menghubungkan semua jiwa organisma hidup (Miklós, 2010 dan Laurence, 1997). Mengikut ajaran Taoisme, manusia mempunyai dua jenis roh, iaitu "*Han*" (roh semangat) dan "*Po*" (roh kehidupan) yang bertindak balas dengan "*Ying*" dan "*Yang*" (Devidas, 2016 dan Asmadi Mohamed Naim, 2003). Manusia dipercayai memiliki 10 roh, yang terdiri daripada tiga roh jenis "*hun*" dan tujuh roh jenis "*po*" (Stephen, 1998). Manakala konsep *qi* merujuk kepada roh dalam ajaran Konfusianisme (Xinzhong, 2000).

Dalam pada itu, konsep "*atma*" dan "*roohu*" iaitu cahaya kehidupan dalam tubuh manusia menurut agama Sikh (Devidas, 2016), konsep "*Atmas*" dalam ajaran Brahma Kumaris. Mengikut ajaran Brahma, roh manusia itu terletak pada dahi seseorang (Devidas, 2016). Dalam ajaran Jainisme, *jiva* pula merujuk kepada roh yang terdapat dalam tumbuhan, bakteria mahupun manusia, manakala *ajiva* merujuk kepada sesuatu yang tidak mempunyai roh seperti masa, angkasa lepas, pergerakan dan sebagainya (J. Jaini, 1940; Varenne, 1989; Matthew, 2011; dan Devidas, 2016).

Kajian secara perbandingan tentang konsep roh dalam ajaran dan kepercayaan agama-agama turut dibahaskan para sarjana. Misalnya, tulisan Constable Nicole (1994) dan Krisnando Decky, *et. al.* (2019) yang membandingkan kepercayaan Kristian dan kepercayaan orang Cina, dan Badhrulhisham *et. al.* (2018) yang membandingkan konsep Roh al-Kudus dalam agama Kristian dan Islam. Konsep "*Jev*", "*Aatma*" dan "*Purusha*" merupakan sinonim dengan konsep roh dan jiwa dalam agama Hindu. *Atman* itu menghidupkan *sarwa prani* iaitu semua makhluk di alam semesta. Sementara itu, *atman* dalam badan manusia disebut *Jiwatman* atau jiwa atau roh, iaitu sesuatu unsur yang menghidupkan manusia (Deussen, 2010 dan Devidas, 2016).

Kajian-kajian lepas juga membincangkan tentang roh berdasarkan pandangan ahli falsafah secara umum seperti tulisan Schaffer Simon (1987) dan al-Musayyar (1988) dalam bukunya "*al-Rūḥ fī Dirāsāt al-Mutakallimīn wa al-Falāsifah*". Mengikut falsafah Scientology, seseorang itu manusia itu bukan hanya memiliki roh, bahkan dirinya itu sendiri ialah roh dan bersifat abadi (*immortal*). Terma yang merujuk kepada konsep roh dalam falsafah ini dikenali sebagai "*thetan*" (James, 2009). Tokoh falsafah terkenal Yunani, Plato mengemukakan teori bahawa roh manusia ialah suatu entiti bukan material (*nonmaterial entity*). Roh mampu terpisah daripada tubuh badan manusia. Roh itu wujud sejak sebelum kelahiran, dan akan terus kekal dan bersifat abadi (*immortal*) (Chad, 2018; Simorangkir, 2019; dan Kadek, 2020).

Segelintir sarjana membataskan perbincangan tentang roh menurut ahli falsafah Islam, sama ada secara kolektif (Fatimah Halim, 2013) atau berfokus kepada pemikiran seseorang tokoh-tokoh seperti Ibn Sīna (Mohd

Manawi, 2019), al-Ghazālī (Elbahloul, *et. al*. 2012), Fakr al-Din al-Rāzī (Elbahluol, *et. al*. 2012; dan Che Zarrina Sa'ari dan Mohd Manawi, 2017 dan 2018) atau tokoh-tokoh lain.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana turut membahaskan tentang roh menurut konteks budaya dan kepercayaan masyarakat di dunia. Antaranya ialah kajian tentang kepercayaan di rumpun Nusantara adalah seperti kajian Laranjo (2013) dan Albert Rufinus *et. al*. (2017) tentang kepercayaan di Kalimantan; tulisan Suyono (2007) dan Ening Herniti (2017) tentang kepercayaan kaum Jawa, kajian tentang ritual pemujaan roh menggunakan muzik oleh masyarakat Cam di Vietnam oleh Mohd Yuszaidy (2001) dan sebagainya.

Antara sarjana yang banyak membincangkan kosmologi kepercayaan masyarakat Melayu secara umum adalah Mohd Taib Osman (1989) dalam bukunya "*Malay Folk Beliefs: An Intergration of Disparate Elements.*" Sebahagian kepercayaan tradisional Melayu ialah berkaitan makhluk ghaib seperti roh. Kepercayaan kaum-kaum peribumi lain di Semenanjung Malaysia turut dibincangkan dalam kajian Amir Ahmad *et. al*. (2018) dan Muhd Abdul Hadi (2018). Kajian tentang kepercayaan membabitkan roh juga meliputi kaum-kaum peribumi di Sarawak seperti kajian Awang Azman (2013) dan di Sabah oleh Low Kok On (2012), Nur Basirah, *et. al*. (2017), Yeon Amsalie, *et. al*. (2017) dan lain-lain.

Meskipun doktrin tentang roh masih utuh dipegang oleh manusia pada era kemodenan ini (Constance, 2010), namun terdapat juga agama dan aliran yang mengingkari kewujudannya. Di samping agama Buddha yang tidak mempercayai kewujudan jiwa dan roh (KN Jayatilleke, 1963; Steven, 1994 dan Bron Taylor, 2008), golongan Ateis juga yang sering mempertikaikan kewujudan Tuhan, turut menafikan kewujudan entiti-entiti ghaib, termasuklah roh (Muṣṭafā Ṣabrī, 1981). Dalam konteks teologi Islam, majoriti sarjana menyangkal tanggapan tersebut kerana jelas bertentangan dengan ajaran dalam agama-agama yang bersifat fundamental (Ibn Taymiah, 1995).

## *4.2 Penciptaan dan hakikat roh*

Agama yang meyakini adanya Tuhan menyandarkan asal kewujudan roh adalah salah satu daripada ciptaannya. Dalam menjelaskan pendirian Islam dalam hal ini, Ibn Taymiah (1988) menegaskan bahawa roh manusia merupakan makhluk berdasarkan ijmak para ulama salaf, dan semua Ahl al-Sunnah, seperti yang dinukilkan oleh Muḥammad bin Naṣr al-Marwazī dan Ibn Qutaybah, Abū Isḥāq Ibn Shaqala, Ibn Mandah dalam kitabnya *al-Rūh wa al-Nafs*. Menurut *scripture* agama Judaisme (Yahudi), roh adalah *khalak* dan anugerah tuhan kepada manusia di saat pernafasan buat kali pertama (Devidas, 2016). Mengikut ajaran Baha'i roh ialah petanda ketuhanan (*sign*

*of god*), penuh misteri, tidak mampu difahami oleh akal manusia (Paula, 2009 dan Devidas, 2016). Segelintir ahli falsafah menganggap roh bukan ciptaan tuhan, tetapi roh bersifat azal (Muhammad Soleh, 2018). Manakala segelintir yang lain percaya roh itu hakikatnya ialah malaikat (Ibn Taymiah, 1995 dan Tony, 2011).

Dalam aliran Tasawuf dan ilmu Kalam pula beriktikad bahawa roh adalah sebahagian daripada zat Tuhan (Ibn Taymiah, 1995 dan Dalmeri, 2016). Justifikasinya, roh itu tidak diketahui posisinya; tidak berada di luar atau di dalam badan, tidak berasingan atau tidak bersatu dengan badan, tidak bergerak dan tidak statik, tidak naik dan tidak turun, bukan juga jisim mahupun jiwa (Ibn Taymiah, 1995). Sebaliknya, mengikut kitab suci agama Sikh, dicatatkan dalam *Sri Guru Granth Sahib* bahawa Tuhan (*Waheguru*) bersifat seperti roh, seperti dalam ucapan mereka, "*god is in the soul, and the soul is in the god.*" (Devidas, 2016). Pendapat golongan ini lebih buruk dan menjelikkan daripada pandangan ahli falsafah yang lain. Puncanya, mereka berpandangan bahawa manusia itu terdiri daripada dua unsur; unsur *lāhūt* (unsur ketuhanan) dan *nāsūt* (unsur manusia). Dalam kata lain, sesetengah manusia unsurnya berasal daripada Tuhan, sementara manusia yang lain adalah hamba (Ibn Taymiah, 1988*;* Diwan, 2017 dan Cahya, 2018).

Dalam membahaskan tentang posisi roh dalam badan, penganut Hindu berpendapat bahawa kelenjar-kelenjar yang berada dalam bahagian tengah otak adalah "mata ketiga," tempat bagi jiwa melepaskan diri daripada tubuh semasa aktiviti meditasi. Filsuf Yunani seperti Empedocles, Aristotel, Democritus, dan filsuf Epicurean menyatakan *liver* (hati) sebagai tempat jiwa. Manakala Pythagoras, Galen dan Plato menyatakan otak sebagai posisi jiwa (Robert, 2004 dan Taufiq Pasiak, 2008).

Kuantiti roh dalam badan manusia menurut fahaman agama dan budaya juga adalah berlainan. Menurut Nadya Yuguseva, seseorang berfahaman *shamanism* dari Altai percaya bahawa wanita mempunyai 40 roh, dan lelaki memiliki hanya satu roh (Pope, 2006). Sekumpulan ahli falsafah perubatan mengatakan bahawa jiwa manusia adalah tiga jenis; *nabātiyyah* (pertumbuhan) yang berada dalam hati, *hayawaniyyah* (kehidupan) yang berada dalam jantung dan *nāṭiqiyyah* (pertuturan) yang berada di bahagian otak. Menurut Ibn Taymiah (1995), sekiranya yang dimaksudkan daripada pembahagian ini merupakan kekuatan dan kemampuan yang ada pada jiwa manusia adalah dapat diterima. Namun, jika yang dimaksudkan manusia memiliki tiga jiwa ialah suatu kesilapan yang fatal.

### *4.3 Makhluk yang memiliki roh*

Dalam kepercayaan agama, falsafah dan budaya, terdapat makhluk-makhluk lain yang turut memiliki roh. Beberapa agama seperti Hindu dan Jainisme berpendapat bahawa semua organisma biologi mempunyai jiwa atau roh

(*atman*, *jiva*) dan “prinsip penting” (*prana*) (Willis J. 2016 dan Devidas, 2016). Teori ini pernah dikemukakan ahli falsafah terkenal seperti Aristoteles (Bos A. P., 2003). Sementara itu, terdapat ajaran bahawa entiti bukan biologi (seperti sungai dan gunung) juga mempunyai jiwa. Kepercayaan ini dikenali sebagai animisme (June, 2016 dan Mohd Khairulnazrin, 2017), sementara *shamanism* adalah doktrin wujudnya roh baik (*good magic*) dan roh jahat (*black magic*) dalam kalangan roh-roh yang ada di alam semesta (Shahabuddin Hashim, 2007).

### *4.4 Roh selepas kematian*

Apakah yang terjadi kepada roh selepas kematian jasad? Jawapannya bergantung kepada pada sistem falsafah dan agama, roh atau jiwa dapat menjadi fana (*mortal*) atau abadi (*immortal*) setelah kematian jasad (Henrik, 2017; Georg, 1850: dan William; 1875). Terdahulu, Plato juga mengemukakan teori keabadian roh (Chad, 2018). Dalam agama Yahudi dan Kristian, hanya manusia yang memiliki jiwa bersifat abadi (*immortal*) (Deborah, 2016). Menurut ajaran Baha’i, roh orang mati itu abadi (*immortal*), kembali kepada tuhan dan berpindah ke alam rohani, di luar konsep tempat dan masa (Paula, 2009; Baháulláh, 1976; dan Farnáz, 1995). Bagi ajaran Jainisme, roh yang terdapat dalam manusia, binatang dan tumbuhan semuanya bersifat kekal (*immortal*) (J Jaini, 1940).

Para ahli falsafah Peripatetisme menegaskan bahawa jiwa manusia adalah kekal abadi setelah berpisah dengan jasad. Namun mereka menampakkan kekeliruan dalam menyifatkan jiwa. Mereka mengatakan setelah berpisah dengan jasad, jiwa berubah menjadi akal. Justifikasinya, akal bersifat bebas dan tidak berhubung dengan unsur-unsur material. Material adalah jisim, manakala akal itu berdiri sendiri, tidak disifatkan sebagai bergerak atau diam, dan akal bersifat tetap atau statik (Ibn Taymiah, 1988 dan Karman, 2015). Justeru itu, roh tidak lagi dikatakan mempunyai pengetahuan atau persepsi baru, tiada pendengaran, tiada penglihatan, tiada perasaan sama ada gembira atau derita, malah kekal dan tetap dalam suatu keadaan yang abadi (Ibn Taymiah, 1988).

Antara fokus para sarjana dalam kajian tentang roh manusia adalah kepercayaan penjelmaan semula roh orang mati dalam suatu jasad yang baru. Kepercayaan ini wujud sangat ketara dalam ajaran Hindu dan Buddha. Dalam kajian Muhammad Alifuddin (2013), penjelmaan semula roh orang mati atau reinkarnasi juga dipercayai oleh suku kaum Buton di kepulauan Sulawesi, Indonesia. Menurut sesetengah budaya, roh nenek moyang perlu dihormati kerana sangat memberi pengaruhi kepada kehidupan keturunan mereka. Justeru, pelbagai upacara pemujaan dilakukan sebagai tanda penghormatan dan menghiburkan roh mereka. Pelbagai kajian tentang pemujaan roh nenek moyang (*ancestor worship*) telah dilakukan oleh para sarjana, antaranya

adalah kajian Sasmita Priscillia dan Lintu Tulistyantoro (2014) di Surabaya, Janelli Roger dan Dawnhee Janelli (1992) di Korea, Van Vu Hong dan Nguyen Trong Long (2019) di Vietnam, sementara kajian Wiyatasari Reny (2018) tentang upacara Obon di Jepun.

Selain itu, penganut Hindu juga percaya kepada konsep *avatar,* ertinya tuhan Vishnu mengalami penjelmaan semula ke dalam sembilan bentuk penjelmaan lain pada waktu dan era yang berbeza. Interpretasi konsep *avatar* dalam ajaran Buddha merupakan penjelmaan roh Gauthama Buddha di dalam tubuh seorang pengikutnya pada abad dan era yang berlainan (Taufik Thiyas, 2016). Konsep reinkarnasi juga terdapat dalam ajaran agama Sikh yang banyak dipengaruhi agama Hindu. Dipercayai, apabila seorang Guru meninggal dunia, rohnya akan beralih kepada Guru yang berikutnya (Eleanor, 2018 dan Kamus Teologi, 2006). Namun, roh manusia biasa, rohnya tetap abadi (*immortal*) selepas mati, tanpa ditentukan keadaannya secara spesifik (Devidas, 2016). Menurut ajaran Jainisme, suatu *Jiva* itu sama ada "*samsara*" yang bermaksud terperangkap dalam kitaran kelahiran semula (reinkarnasi) atau "*mukta*" yang bebas (Sarao, 2017 dan Bron T., 2009).

Dalam pada itu, pengamalan segelintir umat Islam juga menunjukkan wujudnya kepercayaan roh orang mati masih pulang untuk melihat sanak saudaranya (Abdullah Bukhari, 2014). Dalam kajian Kuardhani, *et. al.* (2011), roh orang mati mampu diseru dan dimasukkan dalam boneka kayu oleh seorang dukun. Dalam kajian lain tentang kaum Orang Sungai di Pitas, Sabah, roh dipercayai kembali semasa majlis kenduri arwah. Roh diseru dengan isyarat pembakaran kemenyan. Selain itu, dipercayai roh juga kembali dalam *bangkai-bangkaian* dalam tempoh 40 hari pertama kematiannya. (Khairulnazrin Nasir, *et. al.* 2019). Kepercayaan dan ritual sedemikian juga terdapat dalam kalangan suku kaum Tidung di Kalimantan Utara (Thobroni, Muhammad dan Helmiyanto, 2017). Fahaman spiritualisme tersebut dalam kerangka suatu gerakan mutakhir ini telah dilakukan oleh beberapa sarjana, antaranya ʻAbd al-Ḥālīm Maḥmūd (1993) yang membongkar gerakan yang mendakwa dapat berkomunikasi secara langsung dengan roh orang mati.

Antara spektrum kepercayaan tentang keabadian roh adalah reinkarnasi dan karma. Reinkarnasi (*reincarnation*) secara ringkasnya adalah "kelahiran semula" dan penjelmaan semula makhluk yang telah mati (Kamus Dewan, 2004). Roh orang mati akan dilahirkan semula dalam badan yang baru sama ada dalam badan manusia atau binatang (Muhammad Indriaty, 2017). Karma pula ialah kepercayaan bahawa setiap makhluk di dunia ini akan diadili dan mendapat pembalasan berdasarkan apa yang dilakukan semasa hidup. Menurut Kamus Dewan (2004), karma adalah 'semua perbuatan manusia sewaktu hidupnya di dunia'. Justeru, implikasi daripada kedua-dua doktrin ini adalah roh terus kekal di dunia dalam suatu kitaran yang infiniti. Dua konsep ini terdapat dalam ajaran dan kepercayaan banyak

agama-agama besar dunia, seperti Kristian, Judaisme, Zoroastrianisme (Wibowo, 2019), Hindu, Buddhisme, Sikhsme, dan Jainisme. Walau bagaimanapun, pegangan dalam agama-agama tersebut adalah berbeza antara satu sama lain (Norman C., 2010).

Mengikut ajaran agama Hindu, jasad manusia akan binasa tetapi roh pula bersifat kekal abadi (*immortal*). Jadi semasa hari pembalasan, setiap roh manusia akan dibalas mengikut amalan dan perbuatan sewaktu mereka masih hidup (Kumar, 2019). *Samsha* ialah balasan buruk melalui pemindahan roh kepada tahap lebih rendah seperti jasad haiwan. Sebaliknya, *moksha* merupakan balasan baik kepada golongan yang kuat beragama, dan roh mereka dipindah ke tahap yang lebih tinggi (Robert S., 2007 dan Devidas, 2016). Konsep reinkarnasi seperti ini juga wujud dalam ajaran Buddha (William H., 1998), Paganisme (Bron T., 2008) dan Taoisme (Devidas, 2016).

Penganut ajaran Zoroastrianisme meyakini apabila seseorang meninggal dunia, roh orang mati masih berada di sisi mayat selama tempoh tiga hari dan tiga malam. Pada waktu itu, segala kesalahan dan tindakan yang dilakukan semasa hidup akan dipaparkan kepada roh si mati untuk dibicarakan. Jika si mati banyak melakukan dosa dan maksiat, maka rohnya akan dihumban ke dalam neraka. Walau bagaimanapun, pada akhirnya, si mati akan dibangkitkan semula setelah selesai menjalani hukuman (Nurlidiawati, 2015 dan Ahmad Kholil, 2013).

Penganut agama Judaisme (Devidas, 2016), Kristian (Smith J., 1981) dan Bahā'i (Udo, 2007) percaya bahawa setelah berlaku kematian, tubuh akan mati dan roh akan dihidupkan semula pada Hari Pembalasan (*Judgement Day*). Tujuannya adalah untuk menghadapi proses "pembersihan" dan pengadilan terhadap amal perbuatan yang dilakukan semasa hidup di alam dunia. Manusia akan dicampakkan ke dalam neraka bersama Lucifer (gelaran kepada Iblis atau penjaga neraka) (Rosemary, 2009) atau dimasukkan ke dalam syurga. Malah, umat Kristian meyakini bahawa Jesus yang dianggap sebagai anak Tuhan atau utusannya akan dihidupkan kembali setelah mati disalib (Devidas, 2016). Sebahagian aliran agama Kristian mempercayai bahawa roh akan lenyap (*mortal*) sewaktu kematian jasad. Roh bakal dicipta oleh tuhan dan ditiupkan semula dalam jasad semasa hari kebangkitan (*resurrection*) seperti yang dinyatakan oleh Theologian Frederick Buechmer dalam bukunya *Whistling In The Dark* (1973) (Devidas, 2016).

Akidah Islam percaya kepada keabadian roh selepas mati, bukan dalam rangka kepercayaan reinkarnasi atau hukum karma. Islam menegaskan bahawa tidak ada kepercayaan seperti "kelahiran semula" atau "berpindah roh." Apabila tibanya hari akhirat, manusia akan dihidupkan kembali untuk dihitung amalan dan menerima pembalasan mengikut amalan yang dikerjakan selama tempoh kehidupannya (Berzin, 2010). Demikian juga tiada

kepercayaan seperti karma dalam ajaran Islam. Setiap manusia akan menerima balasan mengikut amalan yang dilakukan pada hari akhirat, tetapi jika berlaku kejadian tertentu di dunia ini, semuanya kembali kepada ketentuan qada' dan qadar serta takdir Allah SWT. Hal ini berbeza dengan prinsip hukum karma iaitu "pembalasan alam semesta." (Elliot A., 2018).

### *4.5 Pemujaan Roh Orang Mati*

